

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI MELAKA
JU PENDIDIKAN MORAL MELAKA



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
 Jabatan Pendidikan Negeri Melaka

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2025
PENDIDIKAN MORAL
Kertas 1
Peraturan Pemarkahan
OGOS 2025

1225/1 (PP)

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

BIL	PERKARA	SIMBO L	PERKARA		SIMBOL
	STRUKTUR				
1	Jawapan /Pendirian	J1	Ulangan Fakta		UF
2	Huraian	H1	Ulangan Huraian		UH
3	Maksimum Jawapan	MXJ	Maksimu <i>F/A/N</i>		MXF
4	<i>Fakta</i>	F1			
5	Tidak berkenaan (<i>Jawapan tidak tepat</i>)	 TB			
6	Maksimum huraian	MXH			
	ESEI				
7	Nilai	N	Contoh		C
8	Huraian	H			
9	Fakta/ isi	J			

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
1 a)	H1 Tidur awal pada waktu malam H1a Mendapat rehat yang mencukupi dan dapat bangun awal.	1 1
	H2 Mengurus masa dengan lebih baik H2a Menyusun jadual harian supaya tidak tidur lewat akibat kerja sekolah atau bermain telefon.	1 1
	H3 Menggunakan jam loceng/ telefon sebagai peringatan bangun pagi H3a Supaya tidak terlajak tidur dan dapat bersiap awal.	1 1
	H4 Mempersiapkan pakaian dan beg sekolah pada malam sebelumnya H4a Dapat menjimatkan masa pada waktu pagi dan tidak tergesa-gesa.	1 1
	H5 Mendapatkan sokongan daripada ibu bapa atau penjaga H5a Ibu bapa boleh membantu mengejutkan dan memberi dorongan untuk bangun awal.	1 1
	H6 Mengamalkan disiplin diri yang tinggi H6a Patuh terhadap ketepatan masa dan peraturan sekolah.	1 1
	H7 Mengelakkan penggunaan gajet sebelum tidur H7a Supaya tidak leka dan terganggu waktu tidurnya.	1 1
	H8 Mengambil sarapan ringkas di rumah H8a Supaya tidak berhenti membeli makanan dalam perjalanan ke sekolah.	1 1
	H9 Menunggang atau menaiki pengangkutan lebih awal H9a Boleh tiba di sekolah lebih awal dan mengelakkan kesesakan lalu lintas.	1 1
	H10 Menjadikan kehadiran awal sebagai satu matlamat peribadi H10a Dapat memberi motivasi diri untuk datang awal.	1 1
	(Terima mana-mana jawapan munasabah)	
		[Mak. 3 m]

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
1 (b)	H1 Membentuk disiplin diri H1a Individu yang menepati masa akan sentiasa berusaha menyiapkan tugas tepat pada waktunya.	1 1
	H2 Mengelakkan kelewatan yang menjejaskan prestasi H2a Sikap tidak menepati masa boleh menyebabkan individu tertinggal maklumat penting seperti dalam kelas atau mesyuarat.	1 1
	H3 Menepati janji dan membina kepercayaan H3a Individu yang menepati masa akan lebih dipercayai kerana dianggap menepati janji dan bersikap profesional.	1 1
	H4 Mengelakkan tekanan dan kekeliruan H4a Individu yang mematuhi masa akan lebih tenang, tidak terburu-buru dan dapat mengurus emosinya dengan baik.	1 1
	H5 Memanfaatkan masa secara optimum H5a Individu akan dapat membahagikan masa untuk kerja, rehat, keluarga dan aktiviti sosial dengan lebih seimbang.	1 1
	H6 Melatih kecekapan dalam membuat keputusan H6a Dengan masa yang teratur, individu dapat membuat keputusan secara rasional dan bukannya tergesa-gesa.	1 1
	H7 Menunjukkan sikap memuliakan orang lain H7a Menepati masa ketika berjanji atau menghadiri sesuatu acara adalah tanda memuliakan masa orang lain.	1 1
	H8 Meningkatkan kualiti kerja dan pembelajaran H8a Individu yang mengurus masa dengan baik dapat memberi fokus penuh dan menghasilkan kerja yang lebih berkualiti.	1 1
	H9 Membina imej positif diri dalam masyarakat H9a Individu yang menepati masa sering dilihat sebagai menunaikan amanah dan boleh dijadikan contoh kepada orang lain.	1 1
	H10 Mengelakkan peluang daripada terlepas H10a Peluang pekerjaan, biasiswa atau pelaburan mungkin terlepas jika seseorang itu tidak menepati masa yang ditetapkan (Terima mana-mana jawapan munasabah)	1 1
		[Mak. 3 m]

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
2 a)	H1 Masalah kewangan/ pendapatan rendah menyebabkan tekanan hidup. H2 Tekanan emosi/ ibu bapa membawa pulang tekanan kerja ke rumah. H3 Kurang kemahiran keibubapaan/ tidak tahu cara mendidik anak secara berhemah. H4 Pengaruh dadah atau alkohol/penyalahgunaan boleh menyebabkan hilang pertimbangan. H5 Konflik rumah tangga/ pergaduhan suami isteri menyebabkan anak menjadi mangsa. H6 Pengaruh media sosial/ mendedahkan kepada gaya hidup tidak sihat atau ganas. H7 Masalah psikologi/ individu tidak sihat mental mudah melakukan penderaan. H8 Didikan zaman silam/ pernah didera dan menganggap ia cara mendidik yang betul. H9 Anak dianggap beban/ anak dilihat menyusahkan kehidupan ibu bapa. (Terima mana-mana jawapan munasabah)	1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Mak. 3 m]
(b)	H1 Kempen kesedaran/ jalankan kempen media massa seperti TV, radio dan media sosial. H2 Ceramah pendidikan keibubapaan/ anjur ceramah di sekolah dan komuniti. H3 Poster dan risalah/ edarkan maklumat tentang bahaya penderaan. H4 Kelas keibubapaan/ sediakan latihan kemahiran mendidik anak. H5 Program intervensi awal/ kenal pasti keluarga berisiko dan bantu lebih awal. H6 Peranan NGO dan JKM/ perkukuh pemantauan dan saluran aduan. H7 Pendidikan moral/ agama di sekolah/ tanamkan nilai kemanusiaan sejak kecil. H8 Talian bantuan dan aduan/ promosi nombor kecemasan seperti Talian Kasih 15999. H9 Peranan jiran dan masyarakat/ peka dengan keadaan sekeliling dan segera lapor. H10 Penguatkuasaan undang-undang/ kenakan hukuman berat ke atas pesalah (Terima mana-mana jawapan munasabah)	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Mak. 3m]

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
2 c)	F1 Memberi bimbingan kaunseling secara berterusan	1
	H1 Kaunselor sekolah membantu murid meluahkan perasaan, membina keyakinan diri dan mengatasi trauma penderaan.	1
	F2 Melaporkan kepada pihak berkuasa	1
	H2 Guru atau pentadbir sekolah perlu melaporkan kes kepada pihak JKM atau polis untuk siasatan dan tindakan lanjut.	1
	F3 Merujuk kepada unit kesihatan sekolah	1
	H3 Sekolah boleh membantu mendapatkan pemeriksaan kesihatan atau rawatan kecederaan yang dialami murid.	1
	F4 Mengadakan perjumpaan dengan ibu bapa	1
	H4 Guru boleh memanggil penjaga untuk berbincang bagi menyelesaikan masalah secara harmoni, jika selamat dilakukan.	1
	F5 Memberi sokongan akademik dan moral	1
	H5 Guru membantu murid dari segi pembelajaran dan sokongan emosi agar murid tidak ketinggalan dalam pelajaran.	1
	F6 Menyediakan program kesedaran penderaan kanak-kanak	1
	H6 Aktiviti seperti ceramah atau pameran boleh mendidik murid dan guru untuk mengenal pasti tanda-tanda penderaan.	1
	F7 Menyediakan tempat selamat dan mesra murid	1
	H7 Sekolah harus menjadi ruang yang kondusif dan bebas daripada tekanan bagi memberi ketenangan kepada murid.	1
	(Mana-mana jawapan yang munasabah)	
		[Mak. 4m]

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
3 a)	F1 Sijil Kelahiran Malaysia – Dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) sebagai bukti kelahiran sah di Malaysia.	1
	F2 Kad Pengenalan /MyKad/ IC – Kad rasmi pengenalan diri bagi warganegara Malaysia berumur 12 tahun ke atas.	1
	F3 Pasport Malaysia/Pasport – Dokumen perjalanan antarabangsa yang hanya dikeluarkan kepada warganegara Malaysia.	1
	F4 Kad Pengenalan Kanak-kanak /MyKid – Dikeluarkan kepada kanak-kanak bawah umur 12 tahun.	1
		[Mak. 2 m]
(b)	F1 Tidak dapat mengakses pendidikan formal H1 Individu tanpa dokumen tidak dapat mendaftar ke sekolah kerajaan kerana sistem memerlukan nombor kad pengenalan atau sijil kelahiran.	1 1
	F2 Sukar mendapat rawatan di hospital kerajaan H2 Tanpa pengenalan diri sah, individu mungkin perlu membayar kos rawatan sebagai bukan warganegara yang jauh lebih tinggi.	1 1
	F3 Tidak layak menerima bantuan kebajikan H3 Agensi seperti JKM memerlukan bukti kewarganegaraan untuk menyalurkan bantuan kewangan dan makanan.	1 1
	F4 Sukar memperoleh pekerjaan formal H4 Majikan tidak dapat menggaji individu tanpa kad pengenalan kerana akan melanggar undang-undang buruh dan imigresen.	1 1
	F5 Tidak dapat membuka akaun bank H5 Institusi kewangan mensyaratkan dokumen sah untuk tujuan keselamatan dan pengesahan identiti.	1 1

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
	F6 Tidak boleh memiliki harta secara sah H6 Pendaftaran harta seperti tanah atau rumah memerlukan dokumen sah untuk membuktikan status warganegara. F7 Berisiko ditahan oleh pihak berkuasa H7 Individu tanpa dokumen boleh disyaki sebagai pendatang asing tanpa izin dan mungkin dikenakan tindakan undang-undang. F8 Tidak dapat membuat perjalanan dalam dan luar negara H8 Tanpa pasport atau kad pengenalan, individu tidak boleh menaiki pengangkutan awam tertentu atau melancong ke luar negara. F9 Terpinggir daripada pembangunan negara H9 Mereka tidak terlibat dalam sistem rasmi negara, sekaligus menjadikan mereka tidak berpeluang meningkatkan taraf hidup. F10 Mengalami gangguan emosi dan tekanan sosial H10 Merasa rendah diri, dipinggirkan dan tidak setaraf dengan rakan sebaya yang memiliki dokumen sah. F11 Tidak layak mengundi semasa pilihan raya H11 Ketiadaan MyKad menghalang individu daripada menunaikan tanggungjawab sebagai pengundi yang sah. F12 Tidak boleh mendapatkan lesen memandu H12 Jabatan Pengangkutan Jalan memerlukan pengesahan identiti sah sebelum mengeluarkan lesen memandu	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Mak. 4m]
	(Mana-mana jawapan yang munasabah)	

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
3c)	F1 Memberi kesedaran tentang pentingnya dokumen pengenalan diri	1
	H1 Supaya remaja tersebut memahami bahawa dokumen seperti sijil kelahiran dan kad pengenalan penting untuk menikmati hak sebagai warganegara.	1
	F2 Menasihati remaja tersebut agar berbincang dengan ibu bapa atau penjaga	1
	H2 Perbincangan ini boleh membuka jalan untuk membuat permohonan rasmi di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).	1
	F3 Membantu mereka mendapatkan maklumat prosedur pendaftaran	1
	H3 Saya boleh menyemak laman web rasmi JPN/ bertanya kepada guru untuk mendapatkan langkah yang betul.	1
	F4 Mendapatkan bantuan daripada guru kaunseling atau pihak sekolah	1
	H4 Guru boleh membantu mengeluarkan surat sokongan/ menghubungkan keluarga dengan pihak JPN/ NGO.	1
	F5 Mencadangkan kepada keluarga untuk membuat laporan di balai polis sekiranya perlu	1
	H5 Sesetengah permohonan dokumen memerlukan pengesahan/ laporan kehilangan/ kelewatan pendaftaran.	1
	F6 Menghubungi NGO atau badan kebajikan yang boleh membantu	1
	H6 NGO boleh membantu dari segi nasihat guaman/ proses dokumentasi.	1
F7 Menawarkan sokongan moral kepada remaja tersebut	1	
H7 Ini penting agar dia tidak berasa terpinggir/ malu/ seterusnya lebih bersemangat untuk menyelesaikan isu ini.	1	
F8 Menemani mereka ke pejabat pendaftaran jika diperlukan	1	
H8 Kehadiran saya boleh memberikan semangat dan membantu keluarga dalam berurusan dengan lebih yakin.	1	
(Terima mana-mana jawapan munasabah)		
		[Mak. 4m]

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
4 a)	H1 Gotong-royong kebersihan kawasan sekolah/ taman perumahan H2 Program kitar semula dan pengasingan sisa pepejal H3 Kempen derma darah/ organ. H4 Program khidmat masyarakat ke rumah orang tua / anak yatim / OKU. H5 Aktiviti penanaman pokok/ landskap komuniti H6 Program bimbingan akademik untuk adik angkat/ murid sekolah rendah H7 Kelas digital atau ICT asas untuk warga emas/ komuniti setempat H8 Pameran kesihatan/ senamrobik komuniti. H9 Larian amal / sukaneka komuniti H10 Kempen antibuli/ keselamatan jalan raya H11 Program bantuan pasca bencana (banjir, kebakaran, tanah runtuh) H12 Pembersihan kawasan kubur/ rumah ibadat pelbagai agama H13 Program pemuliharaan sungai/ pantai H14 Kelas seni dan budaya untuk memulihara warisan tradisional H15 Sumbangan makanan kepada gelandangan melalui NGO (Terima mana-mana jawapan munasabah)	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Mak. 3 m]
4 (b)		

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
4 b)	F1 Meningkatkan kemahiran komunikasi H1 Remaja belajar/ berinteraksi dengan pelbagai pihak dalam komuniti.	1 1
	F2 Melatih kepimpinan dan pengurusan H2 Remaja yang mengurus aktiviti seperti sukaneka/ ceramah komuniti mendapat peluang memimpin dan membuat keputusan.	1 1
	F3 Mengisi masa lapang dengan aktiviti bermanfaat H3 Masa yang digunakan untuk aktiviti komuniti menghindarkan remaja daripada membuang masa dengan perkara tidak berfaedah seperti melepak atau bermain telefon sepanjang hari.	1 1
	F4 Membentuk sikap tanggungjawab sosial H4 Remaja yang terlibat dalam aktiviti membantu orang susah atau membersihkan kawasan awam akan menyedari peranan mereka terhadap masyarakat.	1 1
	F5 Menambah pengetahuan tentang isu semasa H5 Program seperti ceramah kesihatan, kempen kebersihan atau forum belia membuka minda remaja terhadap realiti dan cabaran yang berlaku dalam masyarakat.	1 1
	F6 Membina jaringan sosial yang sihat H6 Remaja dapat membina persahabatan dengan rakan sebaya dan orang dewasa dalam komuniti yang boleh menjadi sumber sokongan positif.	1 1
	F7 Memupuk semangat kerja berpasukan H7 Remaja belajar bekerja dalam pasukan dengan individu berlainan bangsa, agama dan latar belakang, yang menyemai perpaduan.	1 1
	F8 Mengasah kebolehan menyelesaikan masalah H8 Dalam aktiviti seperti merancang program komuniti atau mengurus acara, remaja belajar menangani cabaran sebenar secara praktikal.	1 1
	F9 Meningkatkan keyakinan diri H9 Penglibatan dalam aktiviti seperti menjadi pengacara majlis atau menyampaikan ucapan di hadapan khalayak dapat membina keberanian dan keyakinan diri.	1 1
	F10 Menanam nilai keprihatinan dan empati H10 Apabila membantu golongan kurang bernasib baik seperti gelandangan atau warga emas, remaja belajar memahami dan menyantuni keperluan orang lain.	1 1
	(Mana-mana jawapan yang munasabah)	[Mak. 3m]

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
4c)	F1 Hubungan kejiwaan menjadi longgar H1 Masyarakat tidak saling mengenali dan sukar membantu ketika kecemasan atau aktiviti bersama. F2 Nilai murni semakin terhakis H2 Nilai murni tidak berkembang tanpa interaksi sosial yang konsisten. F3 Gejala sosial meningkat H3 Remaja lebih mudah terlibat dalam vandalisme, buli atau penyalahgunaan dadah kerana tiada aktiviti positif mengisi masa lapang. F4 Masyarakat jadi tidak prihatin H4 Keperluan golongan seperti OKU, warga emas dan keluarga miskin diabaikan kerana tiada rasa tanggungjawab sosial. F5 Kualiti hidup terjejas H5 Kawasan perumahan menjadi kotor dan tidak selamat kerana tiada gotong-royong atau penjagaan bersama. F6 Perpaduan kaum rapuh H6 Kurangnya aktiviti bersama menyebabkan jurang perkauman semakin luas dan wujud salah faham antara kaum. F7 Maklumat tidak sampai kepada masyarakat H7 Penduduk tidak mendapat maklumat penting seperti kempen kesihatan atau bantuan bencana kerana tidak hadir dalam program komuniti. F8 Kurang tanggungjawab sosial H8 Individu hanya mementingkan diri sendiri dan enggan menyumbang kepada kemajuan kawasan tempat tinggal mereka. F9 Program komuniti gagal capai objektif H9 Kempen seperti derma darah, kebersihan atau ceramah kesihatan tidak berjaya kerana kekurangan penyertaan. F10 Terlalu bergantung kepada pihak berkuasa H10 Beban menyelesaikan semua masalah komuniti terletak sepenuhnya pada kerajaan dan NGO tanpa bantuan penduduk setempat. F11 Sikap individualistik berleluasa H11 Masyarakat hidup terasing, tidak bertegur sapa dan tidak ambil peduli terhadap isu jiran atau kawasan persekitaran. F12 Semangat sukarelawan luntur H12 Kurangnya penyertaan menyebabkan masyarakat tidak lagi mengutamakan nilai membantu secara sukarela.	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
	F13 Ketidakseimbangan pembangunan sosial H13 Kawasan komuniti yang tidak aktif ketinggalan dalam pembangunan dan kemudahan berbanding kawasan yang aktif. F14 Sukar salurkan bantuan semasa kecemasan H14 Tanpa jaringan komuniti yang kuat, pihak berkuasa menghadapi kesukaran mengagihkan bantuan secara cepat dan tepat. F15 Tiada suara kolektif masyarakat H15 Masyarakat tidak mampu menyuarakan keperluan bersama kepada pemimpin atau pihak berkuasa dengan berkesan. F16 Beban kewangan tinggi kepada pihak kerajaan H16 Kerajaan terpaksa menanggung kos penuh program kebajikan dan pembangunan komuniti kerana tiada sumbangan atau sokongan penduduk. (Mana-mana jawapan yang munasabah)	1 1 1 1 1 1 1 [Mak. 4 m]

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
5 b)	F1 Kerjasama dalam bidang ekonomi H1 Malaysia menyertai Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) untuk memperluas pasaran dan meningkatkan pelaburan serantau. F2 Kerjasama dalam bidang pendidikan H2 Malaysia menyertai program pertukaran pelajar, penyelidikan dan latihan guru melalui ASEAN University Network (AUN). F3 Kerjasama dalam bidang keselamatan H3 Malaysia menjalankan operasi ketenteraan bersama dan berkongsi maklumat keselamatan untuk membanteras keganasan dan penyeludupan. F4 Kerjasama dalam bidang pelancongan H4 Malaysia menyertai ASEAN Tourism Forum untuk memperkenalkan pakej pelancongan serantau dan meningkatkan kemasukan pelancong. F5 Kerjasama dalam bidang alam sekitar H5 Malaysia bekerjasama dalam menangani isu jerebu rentas sempadan, pemanasan global dan pemeliharaan biodiversiti serantau. F6 Kerjasama dalam bidang kebudayaan H6 Malaysia mengadakan pertukaran seni, persembahan budaya dan pameran warisan dengan negara ASEAN bagi memupuk persefahaman budaya. F7 Kerjasama dalam bidang kesihatan H7 Malaysia bersama negara ASEAN berkongsi data kesihatan awam dan melaksanakan pelan tindak balas terhadap wabak seperti COVID-19. F8 Kerjasama dalam bidang pengurusan bencana H8 Malaysia menyumbang bantuan kecemasan dan penyelarasan logistik melalui AHA Centre bagi menangani bencana alam. F9 Kerjasama dalam bidang tenaga H9 Malaysia terlibat dalam projek ASEAN Power Grid yang membolehkan perkongsian tenaga elektrik antara negara jiran. F10 Kerjasama dalam bidang pembangunan digital H10 Malaysia melaksanakan inisiatif transformasi digital ASEAN seperti pembangunan e-dagang, keselamatan siber dan inovasi teknologi. (Mana-mana jawapan yang munasabah)	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Mak. 3m]

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
6 a)	H1 Membuat rondaan keselamatan kawasan. H2 Berkomunikasi antara jiran melalui aplikasi media sosial. H3 Menyertai sambutan Hari Kebangsaan secara bersama. H4 Mengibarkan Jalur Gemilang oleh semua kaum. H5 Menyokong pasukan negara tanpa mengira kaum. H6 Menyertai acara sukan bersama pelbagai kaum. H7 Terlibat dalam program menjaga alam sekitar. H8 Menghadiri rumah terbuka pelbagai kaum. H9 Membantu mangsa bencana tanpa mengira kaum. H10 Menjalankan khidmat komuniti secara bersama. (Terima mana-mana jawapan munasabah)	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Mak. 2 m]
(b)	F1 Menjamin keamanan negara H1 Rakyat hidup dalam keadaan aman tanpa ancaman rusuhan kaum. H2 Tiada perbalahan atau pergaduhan antara kaum. H3 Rakyat bebas bergerak dan berinteraksi tanpa rasa takut. C1 Contohnya, rakyat pelbagai kaum boleh tinggal di taman perumahan yang sama tanpa konflik. F2 Memupuk semangat kekitaan H4 Rakyat berasa mereka sebahagian daripada satu bangsa. H5 Setiap individu berperanan menjaga keharmonian negara. H6 Perpaduan mencetuskan semangat nasionalisme. C2 Contohnya, rakyat menyambut Hari Kebangsaan bersama-sama tanpa mengira bangsa. F3 Meningkatkan keharmonian hidup masyarakat H7 Rakyat menghormati adat dan budaya kaum lain. H8 Kehidupan masyarakat menjadi lebih tenteram dan bahagia. H9 Tiada diskriminasi antara kaum dalam kehidupan seharian. C3 Contohnya, jiran berlainan kaum saling menziarahi ketika perayaan	

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
	F4 Menggalakkan kerjasama antara kaum H10 Semua kaum dapat berganding bahu dalam aktiviti masyarakat. H11 Aktiviti komuniti dapat dijalankan dengan lancar. H12 Perbezaan kaum tidak menjadi halangan dalam kerja berpasukan. C4 Contohnya, gotong-royong melibatkan semua kaum diadakan di kawasan kejiranan. F5 Meningkatkan imej negara di mata dunia H13 Malaysia dikenali sebagai negara aman dan bersatu padu. H14 Rakyat Malaysia dipandang tinggi oleh masyarakat antarabangsa. H15 Pelancong lebih tertarik untuk melawat negara yang bersatu. C5 Contohnya, Malaysia sering mendapat pujian dalam laporan antarabangsa seperti Global Peace Index. F6 Menarik pelaburan asing H16 Pelabur yakin dengan kestabilan dan keamanan negara. H17 Kemasukan pelabur membantu menjana ekonomi negara. H18 Pasaran dalam negara berkembang dengan positif. C6 Contohnya, syarikat asing seperti Tesla dan Amazon berminat melabur di Malaysia. F7 Menyemai nilai murni dalam kehidupan masyarakat pelbagai kaum H19 Masyarakat belajar menghargai perbezaan dan saling menyayangi. H20 Hubungan kaum menjadi lebih rapat dan mesra. H21 Nilai moral dipertingkatkan dalam kalangan masyarakat. C7 Contohnya, penganjuran rumah terbuka Hari Raya disertai oleh semua kaum. F8 Menyokong pelaksanaan dasar kerajaan H22 Rakyat bersatu menyokong dasar kerajaan tanpa prejudis kaum. H23 Kerajaan dapat menyalurkan bantuan dan dasar dengan mudah. H24 Pembangunan negara lebih cepat apabila semua kaum bersatu. C8 Contohnya, Program Rancangan Makanan Tambahan disokong oleh ibu bapa semua kaum.	

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
	F9 Menjamin kestabilan politik dan ekonomi H25 Negara mampu membina sistem politik yang kukuh. H26 Ekonomi berkembang hasil daripada keamanan dalaman. H27 Peluang pekerjaan dan perniagaan berkembang. C9 Contohnya, Malaysia kekal stabil semasa krisis global kerana perpaduan rakyat. F10 Mengelakkan perpecahan masyarakat H28 Sikap bersatu padu mengurangkan jurang perkauman. H29 Keharmonian memelihara struktur sosial yang sihat. H30 Ketegangan kaum dapat dielakkan. C10 Contohnya, tidak berlaku rusuhan kaum dalam tempoh pasca PRU15 hasil perpaduan rakyat. (Terima mana-mana jawapan munasabah)	

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
7 a)	H1 Menyemak kesahihan maklumat daripada sumber yang sah seperti agensi kerajaan atau media rasmi. H2 Tidak menyebarkan maklumat yang belum dipastikan kebenarannya bagi mengelakkan berita palsu. H3 Tidak memanipulasi/ memutarbelitkan kandungan maklumat untuk kepentingan peribadi. H4 Mengelakkan daripada menyebarkan maklumat yang menyentuh sensitiviti kaum, agama dan budaya. H5 Menghargai hak cipta dengan tidak menyalin atau menggunakan maklumat tanpa kebenaran pemilik asal. H6 Tidak memberikan maklumat peribadi seperti nombor kad pengenalan, akaun bank, atau kata laluan di platform awam. H7 Menggunakan bahasa yang sopan dan beretika semasa berkongsi maklumat di media sosial atau platform digital. H8 Melaporkan maklumat palsu atau kandungan berunsur fitnah kepada pihak berkuasa/SKMM/MCMC/polis. H9 Tidak menyebarkan gambar atau video orang lain tanpa izin yang boleh menjejaskan maruah dan privasi. H10 Mengelakkan perkongsian maklumat yang boleh menggugat keselamatan negara atau ketenteraman awam. (Terima mana-mana jawapan munasabah)	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Mak. 2 m]

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
7 b)	F1 Mencetuskan panik dalam kalangan masyarakat H1 Masyarakat mudah terpengaruh dengan berita yang tular tanpa menyemak kebenaran. H2 Keadaan ini menyebabkan pembelian panik atau tindakan tergesa-gesa. H3 Ia boleh mengganggu ketenteraman awam dan menyusahkan pihak berkuasa. C1 Contohnya, berita palsu tentang penutupan pasar raya semasa pandemik menyebabkan pembelian barangan secara panik. F2 Menjejaskan perpaduan kaum dan hubungan antara agama H4 Berita palsu yang menyentuh isu perkauman atau agama boleh menimbulkan salah faham. H5 Hubungan antara komuniti tergugat akibat prasangka dan ketegangan. H6 Perpaduan negara terjejas apabila isu ini diburukkan oleh pihak tidak bertanggungjawab. C2 Contohnya, berita palsu mengenai penghinaan terhadap agama tertentu boleh mencetuskan rusuhan atau demonstrasi. F3 Merosakkan imej dan reputasi individu atau organisasi H7 Tuduhan tidak berasas boleh menjatuhkan maruah seseorang atau organisasi. H8 Kesan psikologi dan sosial mungkin dialami oleh individu yang difitnah. H9 Kepercayaan orang ramai terhadap institusi boleh merosot secara drastik. C3 Contohnya, penyebaran berita palsu tentang seorang guru menyebarkan ajaran sesat menyebabkan beliau dihentam netizen dan digantung tugas. F4 Mengancam keselamatan dan kestabilan negara H10 Hasutan melalui berita palsu boleh membangkitkan kemarahan rakyat. H11 Hal ini boleh menyebabkan rusuhan atau insiden keganasan. H12 Kestabilan politik dan ekonomi negara terjejas jika krisis tidak dikawal. C4 Contohnya, berita palsu tentang rampasan kuasa politik telah mencetuskan rusuhan besar-besaran di beberapa negara. F5 Melemahkan kepercayaan terhadap media arus perdana dan institusi rasmi H13 Masyarakat sukar membezakan antara fakta dan rekaan. H14 Rakyat menjadi ragu-ragu terhadap kenyataan rasmi kerajaan. H15 Proses komunikasi antara pihak berkuasa dan masyarakat menjadi sukar. C5 Contohnya, maklumat sahih mengenai program vaksinasi tidak dipercayai kerana rakyat lebih mempercayai berita palsu yang tular di WhatsApp.	

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
	F6 Menyebabkan masyarakat bertindak terburu-buru tanpa usul periksa H16 Tindakan dibuat tanpa menyelidik kesahihan maklumat terlebih dahulu. H17 Keputusan yang salah boleh mendatangkan kerugian dan kesan negatif. H18 Tindakan ini juga boleh membahayakan keselamatan diri dan orang lain. C6 Contohnya, berita palsu tentang penjualan ubat ajaib menyebabkan ramai membeli produk tidak sah yang membahayakan kesihatan. F7 Menggalakkan penyebaran kebencian dan hasutan H19 Berita palsu sering mengandungi provokasi terhadap pihak tertentu. H20 Kebencian disebarkan secara meluas melalui media sosial. H21 Masyarakat menjadi mudah dipengaruhi oleh sentimen negatif. C7 Contohnya, berita palsu tentang etnik tertentu tidak membayar cukai disebarkan dan mengakibatkan boikot terhadap perniagaan mereka F8 Meningkatkan kadar jenayah siber seperti penipuan dalam talian H22 Berita palsu sering mengandungi pautan yang membawa kepada laman penipuan. H23 Ramai pengguna terperangkap dan memberikan maklumat peribadi. H24 Ini menyebabkan kerugian kewangan dan ancaman terhadap keselamatan data. C8 Contohnya, e-mel palsu yang menyamar sebagai pihak bank menyebabkan mangsa kehilangan wang simpanan F9 Mengganggu urusan pentadbiran dan dasar kerajaan H25 Berita palsu boleh menimbulkan kekeliruan terhadap dasar kerajaan. H26 Keputusan yang dirancang sukar dilaksanakan kerana rakyat tidak percaya. H27 Kerajaan perlu membazir masa dan sumber untuk menjelaskan semula maklumat sebenar. C9 Contohnya, berita palsu tentang pindaan undang-undang pendidikan menimbulkan bantahan awam sebelum penjelasan rasmi dibuat. F10 Menjejaskan keharmonian dan kesejahteraan hidup masyarakat secara keseluruhan H28 Masyarakat hidup dalam suasana saling mencurigai dan tidak harmoni. H29 Aktiviti harian terganggu kerana wujud rasa takut dan bimbang. H30 Kesejahteraan hidup masyarakat menjadi goyah apabila tiada rasa aman. C10 Contohnya, berita palsu tentang penularan wabak di kawasan perumahan menyebabkan penduduk takut keluar rumah tanpa sebab.	

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
8 a	H1 Merancang perbelanjaan secara bijak	1
	H1a Menyediakan bajet bulanan untuk membezakan antara keperluan dan kehendak	1
	H2 Membuat simpanan secara konsisten	1
	H2a Menyimpan sekurang-kurangnya 10% daripada pendapatan atau elaun setiap bulan	1
	H3 Mengutamakan keperluan berbanding kehendak	1
	H3a Membeli barangan asas sebelum barangan kehendak seperti gajet baharu	1
	H4 Mengelakkan pembaziran dan pembelian tergesa-gesa	1
	H4a Berfikir dahulu sebelum membeli dan elakkan tawaran palsu dalam talian	1
	H5 Membuat perbandingan harga sebelum membeli	1
	H5a Membeli dari tempat yang menawarkan harga terbaik dengan kualiti yang sama	1
	H6 Membayar hutang atau pinjaman mengikut masa	1
	H6a Mengelakkan dikenakan faedah tambahan dan rekod kredit buruk	1
	H7 Menggunakan kad kredit dengan berhemah atau mengelakkannya	1
	H7a Hanya gunakan kad kredit untuk kecemasan dan membayar balik sepenuhnya	1
	H8 Menyimpan rekod perbelanjaan harian	1
	H8a Mengetahui aliran keluar wang dan menilai semula tabiat berbelanja	1
	(Terima mana-mana jawapan munasabah)	
		[Mak. 4m]

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
8 b)	F1 Membantu menstabilkan kewangan diri H1 Individu dapat mengurus pendapatan dan perbelanjaan mengikut keutamaan. H2 Tidak mengalami kekurangan wang sebelum hujung bulan. H3 Dapat menyusun jadual pembayaran dan simpanan secara tetap. C1 Membuat senarai belanja bulanan berdasarkan pendapatan. F2 Menjamin masa depan yang lebih terancang H4 Perancangan awal membolehkan tabungan jangka panjang dibuat. H5 Boleh melanjutkan pelajaran atau membeli aset masa hadapan. H6 Masa depan kewangan lebih terjamin dan stabil. C2 Membuka akaun simpanan tetap untuk pendidikan tinggi. F3 Mewujudkan disiplin diri H7 Membentuk tabiat menyimpan dan berbelanja secara berhemah. H8 Tahu membezakan antara keperluan dan kehendak. H9 Menjadi individu yang boleh dipercayai dalam pengurusan wang. C3 Merekodkan setiap perbelanjaan dalam buku catatan. F4 Mengelakkan beban hutang H10 Individu dapat mengelakkan pinjaman tidak perlu. H11 Mengelakkan bayaran faedah tinggi akibat tunggakan. H12 Tidak terjerat dalam masalah muflis. C4 Mengelakkan pembelian menggunakan kad kredit. F5 Memupuk nilai kesederhanaan dalam kehidupan H13 Menghindari pembaziran dalam kehidupan seharian. H14 Berbelanja berpada-pada mengikut kemampuan. H15 Menjadi contoh kepada rakan-rakan dalam mengurus wang. C5 Membeli pakaian ketika jualan murah sahaja. F6 Membantu membuat keputusan kewangan yang bijak H16 Keputusan perbelanjaan berdasarkan keperluan dan nilai wang. H17 Tidak mudah terpengaruh dengan iklan atau promosi palsu. H18 Dapat membeli barang dengan harga lebih murah dan berkualiti. C6 Membandingkan harga barang sebelum membeli dalam talian	

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
	F7 Memberi ketenangan emosi dan mental H19 Perbelanjaan terkawal mengurangkan tekanan kewangan. H20 Kurang tekanan akibat tiada masalah kewangan. H21 Menjalani hidup dengan lebih tenang dan sejahtera. C7 Tidak panik apabila berlaku kecemasan kerana sudah bersedia. F8 Menyediakan simpanan untuk kecemasan H22 Wang simpanan boleh digunakan semasa sakit atau kemalangan. H23 Tidak perlu bergantung kepada pinjaman orang lain. H24 Mempunyai perlindungan kewangan dalam keadaan terdesak. C8 Menggunakan simpanan untuk membayar kos perubatan. F9 Meningkatkan keyakinan diri dalam mengurus kewangan H25 Dapat merancang perbelanjaan besar dengan yakin dan jelas. H26 Dapat menabung untuk melancong atau menyambung pengajian. H27 Yakin mengurus bajet bulanan sendiri tanpa bantuan. C9 Menyusun bajet tahunan dengan yakin setiap awal tahun. F10 Mendorong penggunaan sumber kewangan secara optimum H28 Tiada pembaziran apabila barangan dan perkhidmatan dimanfaatkan sebaiknya. H29 Sumber digunakan sepenuhnya tanpa pembaziran. H30 Maksimumkan faedah dari setiap sen yang dibelanjakan. C10 Menyusun pelan penggunaan bil air dan elektrik secara cekap. (Terima mana-mana jawapan munasabah)	

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
8c)	N1 Rasional N2 Kesederhanaan N3 Bertanggungjawab N4 Kejujuran N5 Berdikari F1 Menyebabkan masalah kewangan yang berterusan H1 Individu sering kehabisan wang sebelum hujung bulan. H2 Tidak dapat memenuhi keperluan asas seperti makanan dan tempat tinggal. H3 Terpaksa bergantung kepada orang lain untuk menyara hidup. C1 Meminjam wang daripada rakan setiap minggu kerana gagal mengurus perbelanjaan. F2 Menjejaskan kesihatan mental dan emosi H4 Hidup dalam tekanan akibat beban kewangan. H5 Mudah berasa murung atau hilang keyakinan diri. H6 Boleh menjejaskan hubungan sosial dan keluarga. C2 Sering bergaduh dengan keluarga kerana masalah kewangan. F3 Mendorong kepada amalan pembaziran H7 Membeli barangan yang tidak diperlukan secara berlebihan. H8 Tidak menilai harga atau kualiti sebelum membeli. H9 Sumber digunakan tanpa pertimbangan bijak. C3 Membeli tiga pasang kasut yang sama hanya kerana diskaun. F4 Terjebak dalam hutang yang membebankan H10 Terpaksa membuat pinjaman untuk menampung gaya hidup. H11 Tidak mampu membayar hutang tepat pada masanya. H12 Akhirnya disenarai hitam oleh institusi kewangan. C4 Menggunakan kad kredit untuk membeli barangan mewah tanpa perancangan. F5 Menghalang pencapaian matlamat jangka panjang H13 Tidak dapat menyimpan wang untuk masa depan. H14 Matlamat seperti menyambung pengajian atau melancong terbantut. H15 Hidup hanya tertumpu kepada keperluan jangka pendek. C5 Gagal menyambung pelajaran kerana tiada simpanan yang mencukupi.	

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
	F6 Menyebabkan kebergantungan kepada orang lain H16 Tidak mampu berdikari dari segi kewangan. H17 Bergantung kepada bantuan keluarga atau kerajaan. H18 Kehilangan rasa tanggungjawab terhadap kewangan sendiri. C6 Sering meminta bantuan kewangan daripada ibu bapa walaupun sudah bekerja. F7 Menjejaskan imej dan reputasi diri H19 Individu dilihat sebagai boros H20 Sukar dipercayai untuk mengendalikan urusan kewangan. H21 Menjejaskan peluang pekerjaan atau pinjaman. C7 Tidak diterima sebagai bendahari kelab kerana pernah gagal mengurus wang. F8 Menghalang pembentukan nilai murni dalam diri H22 Tidak menghargai wang sebagai sumber penting kehidupan. H23 Tidak mengamalkan sikap berjimat cermat. H24 Tidak belajar daripada kesilapan kewangan lalu. C8 Terus berbelanja secara melampau walaupun pernah mengalami muflis kecil. F9 Meningkatkan risiko terlibat dengan jenayah kewangan H25 Terdesak mencari wang melalui cara yang salah. H26 Boleh mendorong kepada penipuan atau pecah amanah. H27 Menyalahi undang-undang demi menampung gaya hidup. C9 Menipu dalam tuntutan elaun kerja kerana kekurangan wang. F10 Menjejaskan kestabilan ekonomi keluarga H28 Keluarga terpaksa menanggung beban kewangan tambahan. H29 Wujud konflik dalam kalangan ahli keluarga kerana isu kewangan. H30 Menyebabkan tekanan kepada ibu bapa atau pasangan. C10 Ibu bapa terpaksa menjual barang kemas untuk menampung hutang anak (Terima mana-mana jawapan munasabah)	

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
9 a)	Pilihan 1: Menyertai program pertukaran pelajar ke Amerika Syarikat J1 Saya memilih untuk menyertai program pertukaran pelajar ke Amerika Syarikat. H1 Peluang ini amat berharga untuk menimba ilmu dan pengalaman antarabangsa yang sukar diperoleh di tempat lain. H2 Saya akan memperoleh pendedahan budaya baharu serta meningkatkan kemahiran komunikasi dan berdikari. H3 Pengalaman ini juga akan memberi kelebihan untuk masa depan akademik dan kerjaya saya. Pilihan 2: Menolak tawaran pertukaran pelajar demi menjaga ibu yang kurang sihat J2 Saya memilih untuk tidak menyertai program pertukaran pelajar dan kekal bersama ibu. H4 Perhatian terhadap keluarga lebih utama kerana ibu memerlukan perhatian saya dalam keadaan kesihatannya yang tidak menentu. H5 Saya boleh terus belajar di sekolah sedia ada dan mencari peluang lain yang tidak memerlukan saya berjauhan lama. H6 Keputusan ini dapat memberikan ketenangan jiwa kerana saya dapat menjaga ibu (Terima mana-mana jawapan munasabah)	1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Mak. 4 m]

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
9b)	N1 Kerjasama N2 Baik hati N3 Toleransi N4 Harga diri N5 keberanian F1 Meningkatkan kemahiran komunikasi antarabangsa H1 Pelajar berpeluang berkomunikasi dalam bahasa asing dengan lebih yakin. H2 Membantu menguasai bahasa dengan lebih fasih melalui situasi sebenar. H3 Dapat menyesuaikan diri dalam pelbagai situasi komunikasi global. C1 Bertutur dalam bahasa Inggeris ketika sesi perbincangan bersama pelajar antarabangsa. F2 Meneroka budaya baharu H4 Memberikan pengalaman langsung tentang adat, nilai dan cara hidup masyarakat asing. H5 Membentuk sikap terbuka dan menghormati perbezaan budaya. H6 Membantu pelajar menjadi lebih bertoleransi dan memahami masyarakat global. C2 Menyertai sambutan perayaan tempatan di negara tuan rumah seperti Thanksgiving. F3 Memperluas pengetahuan akademik dan global H7 Pelajar didedahkan kepada sistem pendidikan yang berbeza. H8 Mempelajari pendekatan pembelajaran inovatif dan berorientasikan global. H9 Membina pemikiran kritis dan kreatif melalui pendedahan pelbagai perspektif. C3 Mengikuti kelas fizik menggunakan kaedah eksperimen lapangan secara langsung. F4 Meningkatkan keyakinan dan kematangan diri H10 Pelajar belajar berdikari jauh dari keluarga. H11 Membentuk jati diri dan kemahiran mengurus masa serta emosi. H12 Menjadi lebih yakin membuat keputusan dan bergaul dengan masyarakat. C4 Mengurus jadual harian dan tugas sendiri tanpa bantuan ibu bapa.	

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
	F5 Mewujudkan rangkaian persahabatan antarabangsa H13 Membina hubungan dengan rakan dari pelbagai latar belakang negara. H14 Membuka peluang untuk kolaborasi pada masa depan dalam akademik dan kerjaya. H15 Memperkukuh nilai perpaduan dan kerjasama antara budaya. C5 Berhubung melalui media sosial dan mengadakan projek bersama selepas program tamat. F6 Memberi kelebihan dalam permohonan universiti dan kerjaya H16 Pengalaman global menjadi nilai tambah dalam resume pelajar. H17 Universiti dan majikan menghargai calon yang memiliki pengalaman antarabangsa. H18 Menonjolkan sifat proaktif, berfikiran terbuka dan berpengetahuan luas. C6 Diterima masuk ke universiti pilihan kerana pernah menyertai program pelajar antarabangsa. F7 Menggalakkan pemikiran kritis dan empati global H19 Pelajar belajar menilai isu-isu dunia dari pelbagai sudut pandang. H20 Meningkatkan kesedaran terhadap cabaran dan isu kemanusiaan sejagat. H21 Melahirkan pelajar yang lebih peka dan prihatin terhadap masyarakat global. C7 Menulis esei tentang perubahan iklim berdasarkan perbincangan dengan rakan antarabangsa. F8 Mengasah kemahiran kepimpinan dan pengurusan diri H22 Pelajar belajar membuat keputusan secara berdikari. H23 Meningkatkan kebolehan merancang, memimpin dan menyelesaikan masalah. H24 Melatih pelajar menjadi pemimpin masa depan yang berwawasan global. C8 Menjadi ketua kumpulan dalam projek komuniti semasa program berlangsung. F9 Menambah pengalaman hidup yang unik dan bermakna H25 Meninggalkan kesan mendalam dalam perkembangan sahsiah pelajar. H26 Memberikan inspirasi dan motivasi untuk lebih berjaya dalam hidup. H27 Menjadi kenangan berharga sepanjang hayat. C9 Menulis jurnal harian semasa berada di luar negara sebagai inspirasi diri. (Terima mana-mana jawapan munasabah)	

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
9c)	F1 Perbezaan bahasa dan komunikasi H1 Sukar memahami arahan dan berkomunikasi dengan jelas dalam bahasa asing. H2 Boleh menyebabkan kekeliruan dan salah faham dalam perbualan harian. H3 Pelajar mungkin berasa malu atau takut untuk bertutur dalam bahasa bukan ibunda. C1 Pelajar tidak memahami tugas kelas kerana kekangan bahasa Inggeris. F2 Perbezaan budaya dan cara hidup H4 Menghadapi kejutan budaya apabila berdepan norma yang berbeza. H5 Pelajar mungkin tidak biasa dengan makanan, pakaian atau rutin negara tuan rumah. H6 Rasa kekok atau sukar menyesuaikan diri dengan persekitaran baru. C2 Berasa tidak selesa makan makanan mentah seperti sushi di Jepun. F3 Rindu kepada keluarga dan tanah air H7 Perpisahan dalam tempoh lama boleh menyebabkan rasa sedih dan sunyi. H8 Menjejaskan emosi dan tumpuan dalam pembelajaran. H9 Pelajar kurang semangat kerana tiada sokongan keluarga secara fizikal. C3 Menangis pada waktu malam kerana merindui ibu bapa di Malaysia. F4 Masalah kesihatan dan keselamatan H10 Tubuh sukar menyesuaikan diri dengan cuaca, makanan atau rutin baharu. H11 Sukar mendapatkan rawatan jika tidak fasih berbahasa tempatan. H12 Terdedah kepada risiko keselamatan jika tidak berhati-hati. C4 Mengalami alahan makanan dan sukar menjelaskan kepada pihak sekolah di sana. F5 Perbezaan sistem pendidikan dan pembelajaran H13 Pelajar mungkin keliru dengan struktur jadual dan kaedah pengajaran. H14 Sukar mengikuti mata pelajaran tertentu yang lebih kompleks. H15 Menjejaskan prestasi akademik jika tidak segera menyesuaikan diri. C5 Tidak faham sistem markah GPA berbanding sistem peperiksaan Malaysia. F6 Tekanan untuk menyesuaikan diri dalam kalangan rakan baharu H16 Pelajar rasa terasing jika tiada sokongan sosial yang baik. H17 Sukar membina persahabatan kerana latar belakang yang berbeza. H18 Boleh menyebabkan rasa rendah diri atau tidak yakin. C6 Pelajar duduk bersendirian semasa waktu rehat kerana belum mengenali sesiapa.	

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
	F7 Perbelanjaan tinggi sepanjang program H19 Kos sara hidup di negara maju boleh membebankan pelajar. H20 Tidak semua aktiviti ditanggung oleh penganjur program. H21 Pelajar perlu bijak mengurus wang untuk bertahan sepanjang tempoh program. C7 Tidak dapat mengikuti lawatan luar bandar kerana kekangan kewangan. F8 Kesukaran mengurus masa secara berdikari H22 Pelajar perlu menyusun jadual sendiri tanpa pengawasan ibu bapa. H23 Kegagalan mengurus masa boleh menjejaskan pelajaran dan aktiviti harian. H24 Menyebabkan tekanan emosi kerana keletihan dan kekeliruan. C8 Terlupa menghantar tugas tepat waktu kerana tidak menyemak jadual. F9 Keterbatasan makanan halal atau keperluan agama H25 Sukar mendapatkan makanan halal di sesetengah negara. H26 Kekangan untuk menunaikan ibadah dalam persekitaran baharu. H27 Boleh menjejaskan keselesaan dan ketenangan diri. C9 Terpaksa memasak sendiri kerana tiada kedai makanan halal berdekatan. F10 Isu diskriminasi atau stereotaip budaya H28 Berdepan dengan prejudis terhadap asal usul atau agama. H29 Mungkin dilayan secara tidak adil atau dipinggirkan. H30 Memberi tekanan emosi jika tidak ditangani dengan bijak. C10 Digelar dengan panggilan stereotaip oleh pelajar lain kerana berasal dari Asia. (Terima mana-mana jawapan munasabah)	